

Penggunaan Bahan Visual Dalam Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Lisan

Nurhayati Nasir

nurhayati_nasir@schools.gov.sg

Siti Nafizah Abu Bakar

siti_nafizah_abu_bakar@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Yishun

Abstrak

Penggunaan Bahasa Melayu dalam pertuturan merupakan salah satu cabaran bagi murid masa kini. Mereka lebih terdedah kepada Bahasa Inggeris dan faktor inilah yang menghambat minat murid dalam mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu. Kajian tindakan yang dijalankan ini bertujuan untuk mempertingkatkan dan memantapkan keupayaan murid bertutur dalam Bahasa Melayu. Penggunaan alat bantuan mengajar berbentuk visual seperti kad imbasan, kad bergambar, gambar dan 'Working Wall' digunakan sebagai instrumen kajian. Bahan-bahan ini merupakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang boleh mempertingkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan murid. Dapatan kajian menunjukkan, keyakinan murid juga meningkat dalam menggunakan kosa kata baharu yang telah dipelajari melalui pelbagai aktiviti yang terdapat dalam pakej lisan bergambar. Secara keseluruhan, kaedah yang digunakan ini telah berjaya meningkatkan pencapaian murid khususnya dalam komponen penerangan berdasarkan gambar.

Kata Kunci: menghambat minat, penguasaan Bahasa Melayu, visual, kemahiran bertutur

PENGENALAN

Perbualan berdasarkan gambar merupakan salah satu komponen yang penting dalam ujian lisan. Namun begitu, penggunaan Bahasa Melayu dalam pertuturan merupakan satu cabaran yang dihadapi oleh murid yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu ketika ini. Selain minat, kurangnya penggunaan dan pendedahan Bahasa Melayu dalam perbualan harian menyebabkan murid kurang berkeyakinan menggunakan Bahasa Melayu terutama sekali dalam ujian lisan yang memerlukan mereka bertutur dalam Bahasa Melayu.

Kajian ini telah dirancang dan dilaksanakan untuk mempertingkatkan proses pengajaran secara eksplisit dalam aspek pertuturan bahasa Melayu dan mempertingkatkan kemahiran murid dalam melaksanakan ujian penerangan berdasarkan gambar dalam komponen lisan. Dengan menggunakan bahan visual, guru berharap dapat mempertingkatkan pemahaman murid dan kemahiran interaksi lisan mereka. Seperti yang ditekankan oleh Dwyer (1970), sebanyak 83% keberkesanan tercapai apabila manusia belajar melalui deria penglihatan. Beliau mendapati penggunaan alat bantuan visual contohnya grafik, dapat memberi kesan yang lebih efektif kepada murid untuk mengingati sesuatu dalam jangka masa yang agak panjang. Penggunaan grafik juga dapat meningkatkan keberkesanan dan kefahaman murid memandangnya ianya disampaikan dalam bentuk visual.

Kajian ini juga menggalakkan penglibatan murid dan memberi sokongan kepada pembelajaran secara sendiri, iaitu melalui penggunaan '*Working Wall*' sebagai alat bantuan tambahan. Kinder (1950) menjelaskan bahawa alat bantuan visual ini dapat membuat pengalaman pembelajaran lebih nyata, lebih tepat dan lebih aktif. Justeru, selain daripada menarik minat murid untuk belajar bertutur dalam Bahasa Melayu dengan lebih mudah, kaedah ini juga dapat mempertingkatkan keyakinan murid untuk menggunakan Bahasa Melayu dalam kegiatan harian.

PERNYATAAN MASALAH

Dengan kurangnya penggunaan Bahasa Melayu di rumah, murid tidak mempunyai asas bahasa yang kukuh lantas mereka tidak memahami dan tidak berupaya bertutur dalam Bahasa Melayu dengan baik. Melalui pemantauan kami, masalah tidak dapat bertutur dengan baik dalam Bahasa Melayu terutama sewaktu ujian lisan bermula seawal peringkat Darjah 1. Murid tidak mempunyai motivasi dan minat untuk bertutur dalam bahasa tersebut kerana keutamaan yang diberikan ialah bahasa Inggeris. Kurangnya pendedahan murid dalam Bahasa Melayu kerana murid tidak menggunakannya dalam



pertuturan harian mereka merupakan antara alasan lain penyebab kelemahan murid ini. Tambahan lagi, kini, Bahasa Melayu semakin menjadi pilihan bagi bangsa asing yang hendak mempelajari bahasa ibunda sebagai bahasa kedua di sekolah membuatkan demografik di dalam sesebuah kelas Bahasa Melayu itu menjadi semakin rencam.

Menyedari hakikat ini, pengkaji merasakan adanya keperluan untuk mencari cara yang sesuai untuk mengajar bahasa Melayu kepada murid yang tidak mempunyai asas. Pengkaji merasakan perlu untuk mengenal pasti cara yang mudah untuk membolehkan murid lebih yakin bertutur dalam Bahasa Melayu.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. memastikan murid dapat bertutur dengan yakin menggunakan Bahasa Melayu;
2. mengenal pasti strategi penggunaan alat visual yang dapat membantu dalam pertuturan Bahasa Melayu; dan
3. melihat keberkesanan penggunaan alat bantu visual dalam kemahiran bertutur murid.

KAJIAN LEPAS

Kajian lepas ini akan memberikan tumpuan khusus kepada bahan pengajaran berbentuk visual. Bahan pengajaran merujuk kepada benda mautod yang digunakan dalam pembelajaran untuk menyampaikan maklumat dan dibina oleh manusia untuk menjadikan sesi pengajaran lebih menarik. Visual pula merujuk kepada penglihatan.

Dalam bilik darjah, bahan pengajaran digunakan oleh guru untuk membantunya dan murid mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta membentuk sikap yang baik (Husin, 1998). Guru menggunakan bahan pengajaran bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman Bahasa (Tomlinson, 2011).

Bahan pengajaran yang pelbagai boleh menjadi penggerak pelbagai deria. Deria merujuk kepada lima alat mengesan keadaan dalam tubuh iaitu mata, hidung, lidah, telinga dan kulit yang membolehkan fungsi melihat, menghidu, merasa, mendengar dan menyentuh. Bahan pengajaran menjadi *stimuli* atau rangsangan kepada deria murid. Rangsangan-rangsangan ini




yang diproses murid apabila mereka belajar dan ingat, dan proses ini bermula dengan deria sebagaimana yang dinyatakan dalam tukilan “*These stimuli are what people “process” when they learn and remember, and this processing begins with the senses.*” (Kauchak, 2001).

Teori Pemprosesan Maklumat

Hasil pemprosesan dari rangsangan ini mewujudkan pembelajaran. Pembelajaran merupakan perjalanan pemerolehan sesuatu pengetahuan secara teratur bermula dari penerimaan rangsangan oleh deria dan diikuti dengan pengolahan struktur mental seseorang dan diakhiri dengan perubahan tingkah laku akibat pengalaman. Definisi ini menggambarkan tentang Teori Pemprosesan Maklumat.

Kaitan bahan pengajaran sebagai penggerak pelbagai deria terdapat dalam Teori Pemprosesan Maklumat. Teori ini merupakan teori kognitif yang merungkai cara pengetahuan masuk, disimpan dan dilahirkan dari ingatan seperti Rajah 1.

Rajah 1: Teori Pemprosesan Maklumat, (Shariff, 2003)



Ingatan sensori menyimpan sekejap *stimuli* dari bahan pengajaran sehingga dapat diproses dengan lebih lanjut di dalam ingatan jangka pendek. Dalam erti kata lain, maklumat dalam ingatan sensori belum diproses. Walaupun muatan ingatan sensori tidak terhad, maklumat akan larut dengan cepatnya jika tidak diproses dengan secepat mungkin. Di sini, pengekodan akan berlaku dalam perakam deria dan bakal disimpan dalam ingatan jangka pendek atau panjang.

Ingatan jangka pendek, juga dikenali sebagai ingatan bekerja, menyimpan maklumat selagi seseorang menggunakannya dan merupakan tahap yang sarat dengan pemprosesan. Ia bersangkut-paut dengan kesedaran kerana melibatkan pemikiran yang disengajakan. Muatan maklumat sangat terhad kepada tujuh perkara dalam jangka masa dua puluh saat dan diproses dalam sistem yang sedar. Maklumat ini akan disimpan sama ada dalam ingatan jangka panjang atau dilupakan.

Ingatan jangka panjang menyimpan maklumat secara kekal. Muatan maklumat tidak terhad dan tahan lama. Maklumat dalam ingatan jangka panjang ini terbahagi kepada pengetahuan deklaratif dan prosedural. Dalam konteks bilik darjah, pengetahuan deklaratif ialah pengetahuan tentang sistem bahasa. Pengetahuan prosedural pula ialah pengetahuan aplikasi bahasa. Pengetahuan di sini membolehkan murid mengingat kembali maklumat yang diperlukan.

Justeru, bahan pengajaran penting sebagai penggerak pelbagai deria dalam pembelajaran.

Bahan Pengajaran Berbentuk Visual

Tomlinson (2011) menjelaskan bahawa bahan pengajaran wajib kerana ia memberi kesan yang dapat dilihat dalam pelajar apabila dapat menarik perhatian, minat dan sifat ingin tahu murid. Menurut Tomlinson lagi, guru perlu mengambil lima pertimbangan, yakni konteks; pengetahuan sedia ada; keperluan pancaindera; kesesuaian bahasa dan interaksi murid dengan bahan, sebelum sesuatu bahan pengajaran digunakan di dalam bilik darjah demi mencapai tahap penggunaan bahan yang berkesan.

Visual merujuk kepada ilustrasi seperti gambar, rajah, carta dan lain-lain yang disertakan bagi mengukuhkan kandungan, menambahkan daya tarikan dan mutu penyampaian dalam bahan pengajaran. Ilustrasi mestilah berfungsi untuk mencapai hasil pembelajaran, mencukupi, menarik dan bebas dari unsur negatif. Bahasa dalam konteks bahan pengajaran pula merujuk kepada penggunaan dan pemilihan istilah, ejaan, struktur ayat yang



betul, mudah, baku serta sesuai dengan sesuatu subjek setelah mengambil kira tahap kebolehan berbahasa murid. Ilustrasi dan bahasa membantu guru menyampaikan maklumat dengan cara yang ringkas, tepat dan berkesan. Murid pula tertarik dengan ilustrasi dan bahasa, yang boleh menerima maklumat dengan cepat dan tepat.

Kepentingan ilustrasi dan bahasa seiringan kerana murid menerima 75% rangsangan operasi dalam bentuk visual dan inilah sebab aspek-aspek visual dalam pengajaran dan pembelajaran sangat penting (Noor, 1990). Ilustrasi dan bahasa dalam bahan pengajaran perlu dilihat murid semasa membuat aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk menambahkan dan melanjutkan kefahaman. Murid juga akan sentiasa terangsang apabila melihat grafik yang berwarna-warni menyebabkan perhatian pengajaran dan pembelajaran sentiasa kekal dan mencapai hasil pembelajaran.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini berbentuk kuantitatif. Dapatan diambil dari markah praujian dan pascajian komponen lisan yang dijalankan ke atas kumpulan responden. Dapatan ini digunakan untuk membuat perbandingan ke atas pencapaian responden sebelum dan sesudah intervensi dilaksanakan. Dapatan ini juga dianalisis bagi melihat keberkesanan penggunaan bahan-bahan visual yang digunakan bagi membantu murid menambah nilai dan mempertingkatkan pemahaman dan pengetahuan mereka dalam komponen lisan. Di samping itu, pengkaji juga menerapkan elemen-elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) dalam perancangan dan pelaksanaan PdP lisan ini. Jadual 1 di bawah ini memperlihatkan perincian beberapa elemen STP yang telah diguna pakai bagi tujuan kajian ini.



Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP17: Memberikan penerangan yang jelas	AM2: Melakukan Tunjuk Cara Guru melakukan tunjuk cara bagi pengenalan kata nama yang berkaitan dengan ahli keluarga. Dengan menggunakan kad imbasan yang tertera kata nama, guru mengajak murid mengeja dan menyebut kata nama dan mengaitkannya dengan gambar keluarga. Guru akan mengeja dan menyebut dahulu perkataan tersebut dan kemudian menggalakkan murid mengikutinya. Guru menunjukkan murid gambar keluarga.
	AP20: Menggunakan soalan untuk memperdalam pembelajaran	AM2: Mengepam Menerusi sesi modeling, guru menggunakan contoh gambar keluarga sendiri untuk membina cerita. Guru menggalakkan murid menanyakan soalan-soalan kepadanya tentang keluarganya. Kemudian, giliran murid pula yang akan berkongsi tentang keluarga mereka secara berpasangan. Senarai soalan akan diberikan untuk membantu murid bertanyakan soalan-soalan yang bernas bagi membantu rakan bercerita dengan lebih lanjut mengenai keluarga mereka.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Murid mengaplikasi penggunaan soalan-soalan seperti yang telah dilakukan dan diterangkan guru di bahagian penerangan dan modeling. Murid menerapkan penggunaan soalan-soalan dan menggunakan kosa kata dari kad imbasan bagi membantu mereka mencerna idea untuk perbualan lisan berdasarkan gambar. Murid memamerkan pemahaman melalui pascaujian.
Penerangan dan Justifikasi	Guru mengambil kira profil murid dan membuat persediaan dari segi menyusun kandungan dan mengatur pembelajaran bagi memperkasakan murid. Contohan dan penerangan disampaikan dengan yang jelas menggunakan pakej lisan, kad bergambar dan kad imbasan bagi membantu murid secara visual. Murid diajar membina ayat dari kosa kata yang dipelajari dengan menggunakan pola FN+FK melalui perancahan berbentuk soalan-soalan yang berkait dengan topik. Guru memantau pembelajaran dan pemahaman murid melalui maklum balas dan respons yang diberikan dan pengaplikasian kosa kata yang dipelajari dari sesi tersebut.	

SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian terdiri daripada 20 orang murid Darjah 1 yang mengambil pelajaran Bahasa Melayu. Sebahagian besar daripada mereka menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama di rumah. Ramai daripada murid ini kurang pendedahan dari segi amalan bertutur dan membaca bahan-bahan dalam Bahasa Melayu.

INSTRUMEN KAJIAN

Bagi menjalankan kajian ini, guru akan menggunakan pakej lisan bergambar sebagai pemulihan dengan memperkenalkan komponen bahasa secara eksplisit kepada murid. Komponen bahasa yang akan diberikan fokus ialah kata nama, kata kerja dan pembinaan ayat. Selain daripada pakej lisan bergambar, guru juga telah menyediakan sebuah '*Working Wall*' yang mengandungi gambar dan perkataan berdasarkan tema yang ditetapkan untuk menyokong pembelajaran secara sendiri murid selain menggalakkan murid berlatih komponen perbualan bergambar mereka secara sendiri atau berpasangan. Guru juga akan membuat pemantauan dan membuat perbandingan hasil ujian lisan mereka daripada komponen penerangan berdasarkan gambar.

PROSEDUR KAJIAN

1. Guru akan menjalankan praujian dalam bentuk lisan, iaitu penerangan berdasarkan gambar bagi setiap murid.
2. Pemulihan akan dijalankan selama 4 minggu. Dalam sesi intervensi, guru akan memperkenalkan penggunaan pakej lisan bergambar dalam bahagian modeling dan juga latihan terbimbing. Murid akan dibimbing untuk menggunakan kad bergambar, kad imbasan dan juga soalan-soalan yang akan membantu mereka menjana idea untuk perbualan lisan bergambar. Murid akan didedahkan kepada contoh-contohan seperti pencernaan kosa kata bagi kata nama yang berkaitan dengan topik keluargamelalui kad-kad imbasan dan juga pembinaan ayat menggunakan kosa kata tersebut. Ini akan memberikan murid pengalaman baharu menggunakan kosa kata tersebut dan mengaplikasinya dalam ayat-ayat lisan mereka kelak. Pendedahan murid kepada '*Working Wall*' juga menambah nilai pengetahuan mereka dalam penjanaan idea untuk perbualan lisan. Dengan bantuan gambar, perkataan dan frasa-frasa yang disumbangkan oleh teman-teman dan guru di tembok kata itu mungkin dapat membantu murid membuat refleksi dan mengumpul idea untuk bahan lisan mereka kelak.




- Guru akan menjalankan pascaujian dalam bentuk lisan iaitu penerangan berdasarkan gambar bagi setiap murid. Gambar yang digunakan adalah gambar yang sama. Ini bertujuan untuk membantu murid meningkatkan keyakinan mereka dengan sesuatu topik yang dekat di hati mereka dan juga pengetahuan dan pengalaman yang telah diraih sebelum sesi pascaujian dijalankan dapat diaplikasi. Perancangan yang telah dilakukan dalam sesi intervensi diharapkan dapat membekalkan murid dengan pelbagai kemahiran yang diperlukan untuk menjawab soala-soalan lisan dengan lebih yakin dan baik.
- Working Wall* merupakan dinding yang dipenuhi dengan gambar, kata atau kad imbasan dan ayat-ayat contoh berdasarkan tema pakej lisan bergambar yang disediakan guru. Murid digalakkan untuk melihat, menggunakan dan berlatih secara sendiri atau berpasangan selepas mereka menyelesaikan tugas mereka pada hari itu. *Working Wall* merupakan alat bantuan visual tambahan yang diterapkan di dalam bilik darjah untuk menggalakkan murid belajar secara sendiri.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan nilai purata bagi praujian ialah 5.86 manakala bagi pascaujian, nilai purata meningkat kepada 7.75. Ini menunjukkan hubungan yang positif antara alat bantuan visual dengan kemahiran lisan murid. Sila rujuk Rajah 2.

Rajah 2: Perbandingan Markah Praujian dengan Pascaujian



Dapatan ini menunjukkan trend yang positif dan daripada hasil maklum balas guru, prestasi murid lebih baik setelah menggunakan pakej lisan bergambar yang diperkenalkan kepada murid. Murid yang agak lemah atau tidak dapat bertutur dalam Bahasa Melayu dengan baik telah menunjukkan peningkatan dan lebih yakin bertutur dalam Bahasa Melayu.

Meskipun terdapat juga murid yang sudah mahir bertutur dalam Bahasa Melayu, pakej lisan bergambar ini telah membuat mereka lebih yakin dan menambah nilai pembelajaran mereka khususnya bagi komponen lisan berdasarkan gambar. Dapatan ini selaras dengan pendapat Brown (2004) yang menyatakan bahawa teknik alat bantuan visual seperti penggunaan gambar boleh dianggap penting dan merupakan kaedah yang berkuasa untuk meningkatkan prestasi murid dalam aspek lisan di peringkat yang luas dan intensif. Maklum balas yang positif ini telah mendorong guru untuk menyarankan agar pakej tematik ini diperluaskan kepada tema-tema yang lain.

KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan bahawa penggunaan alat bantuan visual telah membuahkan hasil dalam memperkasakan penggunaan dan kelancaran penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid. Dapatan menunjukkan alat bantuan visual berjaya menambah perbendaharaan kata murid serta membantu guru membuat pembelajaran kekal dalam diri murid. Murid juga dapat mempelajari bahasa dengan baik apabila mereka didedahkan pada alat-alat bantuan visual yang berbeza.

Alat bantuan visual juga dapat mewujudkan persekitaran yang menarik untuk pembelajaran murid. Ini disokong oleh dapatan Wright (1989) yang mengatakan bahawa penggunaan gambar dapat merangsang dan memberi motivasi kepada murid dalam pembelajaran bahasa. Beliau juga mencadangkan bahawa gambar mempunyai kelebihan untuk membantu guru dalam proses pembelajaran. Oleh itu, guru digalakkan untuk menyediakan alat bantuan tematik untuk membimbing murid dalam perbualan lisan serta mewujudkan '*Working Wall*' untuk menyokong pembelajaran murid secara sendiri serta memudahkan pembelajaran individu dalam kemahiran bertutur.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Dewi Kartika Sudirman
2. Humairiah Ahmad
3. Kusumawati Ahmad Dafir
4. Ribut Nawi



RUJUKAN

- Brown, H., D. (2004). *Language assessment: Principles and classroom practices*. New York: Pearson Education.
- Dwyer, F., M. (1970). Exploratory studies in the effectiveness of visual illustrations. *AV Communication Review*, 18(3), 235-249.
- Husin, K., H. (1998). *Pedagogi bahasa perkaedahan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kauchak, P. E. (2001). *Educational psychology windows on classroom*. New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Kinder, J., S. (1950). *Audio-visual materials and techniques*. USA: American Book Company.
- Noor, J., L. (1990). *Alat dan bahan pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Shariff, A., M. (2003). *Pendidikan: Satu Panduan Praktis*. Singapore: Alfa Media.
- Tomlinson, B. (2011). *Materials Development in Language Teaching*. Cambridge University Press: United Kingdom.
- Wright, A. (1989). *Pictures for language learning*. UK: Cambridge University Press.

